

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR ]

**TARIKH :** 18.6.2014

**SOALAN :**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pemahaman ibu bapa mengenai sistem penilaian PT3 dan yang menggantikan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi pelajar Tingkatan 3 serta apakah langkah Kerajaan supaya ibu bapa memahami bagaimana prestasi dinilai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga (3) pertanyaan yang dibangkitkan pada hari ini menyentuh tentang Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS). Pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan adalah daripada **Y.B. Kuala Selangor, Y.B. Gerik dan Y.B. Gombak**. Izinkan saya menjawab secara serentak pertanyaan tersebut kerana perkara yang dibangkitkan saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana jawapan saya pada 22 April 2014 di Dewan yang mulia ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan penambahbaikan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang berkuatkuasa mulai 1 April 2014. Penambahbaikan ini jelas diterima oleh semua warga pendidik kerana ianya lebih bersifat mesra guru.